

Galak guna khidmat kenderaan awam

Bina lebih banyak tempat letak kereta di stesen komuter, tambah bas perantara di PPR

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan membina lebih banyak kemudahan termasuk tempat letak kereta di stesen komuter di sekitar bandar raya dalam usaha menjadikan pengangkutan awam itu sebagai pilihan utama.

Selain itu, bilangan bas perantara juga akan ditambah bagi memudahkan penduduk yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan taman perumahan lain berulang alik ke stesen komuter.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin, berkata pihaknya sudah berancang dengan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mengenai keperluan pengguna yang menggunakan komuter untuk ke pusat bandar raya.

“Kemudahan yang lebih banyak akan menggalakkan penduduk yang tinggal di PPR dan taman perumahan lain menggunakan komuter untuk ke pusat bandar.”

“Ini secara tidak langsung mengurangkan penggunaan kereta persendirian yang pada masa ini menyebabkan kesesakan lalu lintas di bandar raya,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi walkabout dengan menaiki tren dari Stesen Komuter Pantai Dalam ke Bank Negara seawal jam 8 pagi dalam usaha memastikan keberkesanan sistem komuter berkenaan.

Hadir sama, Presiden KTMB, Dr Aminuddin Adnan dan Ketua Pegawai Pembangunan SPAD, Azmi Abdul Aziz.

Pada sesi berkenaan, beliau mengambil kesempatan meninjau kea-



RAJA Nong Chik bersama Dr Aminuddin (kanan) menaiki perkhidmatan komuter dari perhentian Pantai Dalam ke perhentian Bank Negara untuk meninjau keadaan pengguna perkhidmatan awam.



Kemudahan yang lebih banyak akan menggalakkan penduduk yang tinggal di PPR dan taman perumahan lain menggunakan komuter untuk ke pusat bandar

Raja Nong Chik Zainal Abidin
Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

daan koc dengan berjalan dari koc pertama hingga ke enam di samping mendapatkan pandangan daripada penumpang mengenai kualiti perkhidmatan komuter terabit.

“SPAD akan memperluaskan kemudahan bas perantara untuk mengambil penumpang di kawasan perumahan. Jarak masa antara setiap tren pula akan dikurangkan daripada 30 minit kepada setiap 15 minit,” katanya.

Beliau berkata, berdasarkan pemerhatiannya, penambahan seba-

nyak 11 koc baru oleh KTMB baru-baru ini berjaya memberikan penyelesaian kepada penumpang.

“KTMB menyediakan perkhidmatan lebih baik dengan penambahan koc baru. Penumpang tidak lagi berhimpit seperti dulu dan mereka turut berasa selesa kerana koc dilengkapi kemudahan penghawa dingin.

“Ini adalah antara pendekatan kerajaan mempertingkatkan kemudahan pengangkutan awam dalam usaha menggalakkan orang ramai menggunakannya,” katanya.

Sementara itu, Dr Aminuddin, berkata KTMB bercadang mewujudkan Komuter Ekspres dari Seremban dan Pelabuhan Klang bagi memastikan penumpang tiba ke pusat bandar raya lebih cepat.

“Kita sedang mengkaji keperluan untuk memperkenalkan Komuter Ekspres dari Seremban dan Pelabuhan Klang terus ke KL Sentral tanpa berhenti di stesen lain bagi menjimatkan masa perjalanan.

“Keperluan memang ada tetapi kita masih menjalankan kajian,” katanya.